

Usah biar sisa plastik terus cemari ekosistem

BO 1/5/2024 mls13.

**Amirul Salam
Hasan.**
Universiti
Malaysia
Terengganu

Mutakhir ini masyarakat sering merungut dan berasa tidak selesa susulan ketidakaturan cuaca yang sedang melanda negara dan dunia. Panas yang membahang pada siang hari sehingga ada kawasan yang mencecah suhu melebihi 40 darjah celsius bukan sahaja meletihkan, malah ia turut menjejaskan kualiti tidur bagi sesetengah orang yang tiada kemudahan pendingin hawa.

Terdapat juga kawasan yang menerima hujan lebat di luar jangkaan. Hal ini memperlihatkan berlaku perubahan cuaca yang tidak lagi boleh disamakan dengan keadaan sekitar 1990-an.

Hal ini ada benarnya kerana jika mengambil contoh beberapa kejadian bencana alam sebelum ini yang tidak pernah dijangkakan. Misalnya, sebelum ini bencana alam seperti banjir akan tertumpu di negeri di Pantai Timur Semenanjung disebabkan berlaku peralihan Monsun Timur Laut sekitar November. Bagaimanapun hal ini bukan lagi menjadi kebiasaan, sebaliknya hampir semua negeri kini terdedah kepada bencana banjir.

Memetik laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, ciri-ciri iklim Malaysia mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Malaysia yang terletak di kawasan doldrum khatulistiwa amat jarang mempunyai keadaan langit langsung tidak berawan meskipun pada musim kemarau teruk. Malaysia juga jarang sekali mempunyai satu tempoh beberapa hari dengan tidak ada langsung cahaya matahari kecuali pada musim Monsun Timur Laut.

Namun kini, dunia sudah mula sedar akan perubahan iklim yang mendadak. Malah, saintis tu-

rut mendedahkan maklumat berkaitan fenomena pencairan glasier yang begitu ketara berlaku di benua Antartika sekali gus memberi kesan besar terhadap perubahan iklim sejagat.

Pembangunan perlu utama kelestarian

Pelbagai usaha giat dijalankan termasuk kajian berkaitan keseimbangan aktiviti pembangunan dengan mengambil kira beberapa aspek penting bagi melindungi planet bumi supaya kekal lestari. Memetik pandangan Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu, Prof Dr Mohd Zamri Ibrahim menyifatkan usaha kelestarian bumi harus dilakukan secara berterusan dan memerlukan pembabitian semua pihak.



Pembuangan sisa plastik tak terkawal pengaruhi perubahan iklim.
(Foto BERNAMA)

Katanya, lautan kita yang kaya dengan hidupan marin dan keajaiban ini sudah lama menjadi talian hayat kepada bumi. Susulan itu kini ia berdepan pelbagai cabaran dan kemusnahan akibat perbuatan manusia seperti pembuangan sisa pepejal, toksik, pencemaran plastik, penerokaan kawasan baharu yang tidak terkawal serta lain-lain.

Hal ini tidak dinafikan apatah lagi hari ini terlihat kesan pembuangan sisa plastik turut menghasilkan partikel yang dikelaskan sebagai mikropartikel. Ia terhasil daripada serpihan kecil plastik tergedasi, fiber sintetik dan partikel halus plastik secara kolektif yang lebih sukar dikesan dan tidak mampu dilihat melalui mata kasar.

Dalam hal ini seorang pengkaji mikropartikel, Prof Madya Dr Yusof Shuaib Ibrahim, menjelaskan kerana sifatnya payah terurai ia memerlukan tempoh masa sangat lama untuk berbuat demikian. Justeru, plastik yang dibuang oleh manusia akan hanyut ke lautan dan ia tidak terurai atau hilang begitu sahaja, malah proses tindak balas yang mengambil masa lama akan menghasilkan mikropartikel dan akhirnya dimakan oleh hidupan marin.

Sedangkan lautan memberi sumbangan besar kepada kestabilan kitaran ekosistem dan perubahan iklim dunia. Hal ini disebabkan ia bertindak sebagai penyerap haba dan karbon bagi mengimbangi perubahan iklim selain peranannya mengawal suhu, arus serta kenaikan paras air laut.

Justeru, sekiranya laut terus dibebani dengan pelbagai pencemaran, ia akan mengganggu ekosistem marin, menjejaskan hidupan, biodiversiti dan seterusnya memberi kesan langsung terhadap iklim global.